



**TAHAP EFIKASI KENDIRI TERHADAP APLIKASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI PULAU PINANG**

*(Level of Self-Efficacy in Applying Information and Communication Technology for Teaching and Learning among Islamic Education Teachers of Secondary Schools in Penang)*

Raja Nor Azuwah Raja Yusof<sup>1</sup>, Nik Rosila Nik Yaacob<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Penang, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [nikrusila@usm.my](mailto:nikrusila@usm.my)

Received: 13 February 2022 • Accepted: 25 April 2022 • Published: 30 April 2022

**Abstract**

*This study aims to identify the level of self-efficacy of teachers in applying Information and Communication Technology (ICT). The survey involved 174 Islamic education teachers that were randomly selected among secondary schools in Penang. Data were analyzed using descriptive statistical methods. Overall, the study results show that the level of self-efficacy of Islamic Education teachers through ICT is moderate. However, Islamic Education teachers have high effectiveness in the dimension of teaching strategy. These findings indicate that Islamic Education teachers have a moderate level of confidence in managing the teaching and learning process through information and communication technology. The results of this study have implications that schools and the Ministry of Education Malaysia need to design continuous training programs for Islamic Education teachers to increase self-efficacy in the use of ICT in teaching and learning.*

**Keywords:** *Self-efficacy; Information and Communication Technology; Teaching and Learning; Islamic Education Teachers*

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi pengajaran dan pembelajaran. Kajian tinjauan ini melibatkan GPI Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Pulau Pinang yang dipilih secara rawak berjumlah 174 orang responden. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap efikasi sendiri Guru Pendidikan Islam terhadap TMK adalah sederhana. Namun, GPI memiliki efikasi yang tinggi dalam dimensi strategi pengajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa GPI memiliki keyakinan pada tahap sederhana untuk mengurus proses pengajaran dan pembelajaran menerusi aplikasi TMK. Hasil kajian ini mencadangkan pihak sekolah dan Kementerian

Pendidikan Malaysia merangka program yang bersifat latihan berterusan kepada para guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan efikasi sendiri terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci:** Efikasi sendiri; Teknologi Maklumat dan Komunikasi; Pengajaran dan Pembelajaran; Guru Pendidikan Islam

**Cite as:** Raja Yusof, R.N.A., Nik Yaacob, N.R. (2022). Level of Self-Efficacy in Applying Information and Communication Technology for Teaching and Learning among Islamic Education Teachers in Secondary Schools in Penang. *Asian People Journal*, 5(1), 179-189.

## PENGENALAN

Pada abad ke-21 ini, kemajuan teknologi maklumat dan telekomunikasi (TMK) telah memberi implikasi yang lebih efektif kepada kelancaran sistem pendidikan (Ab. Halim & Nur Hanani, 2017). Menerusi anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan keperluan memanfaatkan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi menghasilkan pengajaran yang berkualiti (KPM, 2013). Malah, dalam Agama Islam menuntut umatnya mengambil manfaat daripada teknologi sebagai salah satu pendekatan baharu bagi memenuhi keperluan sejagat dan pada masa yang sama dapat mempelbagaikan pendekatan pengajaran (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007; Aizan & Murni, 2017; Wan Mariana & Kamarul Shukri, 2020).

Penggunaan teknologi bukan sahaja menyediakan kaedah dan teknik pengajaran yang pelbagai untuk guru, tetapi juga menghasilkan pembelajaran yang menarik minat dan meningkatkan kefahaman pelajar (Khodijah et al., 2018). Walaubagaimanapun, situasi ini menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran semakin kompleks (Scott, 2015). Kehadiran teknologi telah mencabar tugas para guru untuk mengintegrasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun, cabaran tersebut tidak boleh dijadikan faktor untuk guru tidak menggunakan teknologi di dalam kelas kerana guru adalah penggerak kepada setiap perubahan (Ross & Tsibolane, 2017) dan kejayaan (Liang & Tai, 2021). Sehubungan dengan cabaran dalam TMK ini, maka efikasi sendiri guru penting untuk menjangkakan keupayaan terhadap pengaplikasiannya dalam pengajaran dan pembelajaran.

### *Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merangkumi kepelbagaian perkakasan dan perisian yang menyokong proses penyampaian maklumat. Perkakasan adalah peralatan yang boleh dilihat dan disentuh dengan fizikal seperti mesin mahupun media (Nur Amirah et al., 2020). Pada masa kini, perkakasan utama seperti komputer dan telefon bimbit menjadi pengantara dalam menjalankan tugas-tugas perisian untuk kegunaan manusia. Salah satu jenis perisian adalah perisian aplikasi. Perisian aplikasi terdiri daripada persembahan multimedia, komunikasi atau ruang siber (Mohd Zamri et al., 2011). Perisian ruang siber atau perisian komunikasi menyediakan pencarian maklumat dari sumber yang luas dan terbuka dari *World Wide Web* (Jamaludin & Zaidatun, 2003).

Rangkaian dari web 2.0 menawarkan pilihan menarik dan interaktif seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Youtube* (Mohamed Amin, 2012). Aplikasi-aplikasi web tersebut semakin popular sama ada untuk tujuan peribadi mahupun komersil (Noradilah & Lai, 2019). Rentetan daripada itu, teknologi baharu sentiasa dibangunkan dari semasa ke semasa sebagai memenuhi tujuan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa penghasilan perkakasan dan perisian teknologi baharu tidak akan pernah terhenti selagi mana terdapat keperluannya dalam masyarakat.

Keadaan ini turut dibuktikan melalui tumpuan kepada pendigitalan dan internet (IoT), big data, automasi, simulasi, integrasi sistem dan robotic sebagai teknologi baharu (Mancha & Shankaranarayan, 2020).

### ***Efikasi Kendiri***

Efikasi Kendiri adalah Teori Kognitif Sosial yang diperkenalkan oleh Bandura (1977). Menurut Bandura (1977), efikasi sendiri adalah jangkaan prestasi atau persepsi sendiri (Bandura, 1977) ataupun tanggapan dan kebolehan yang dimiliki diri sendiri (Liang & Tai, 2021). Selain itu, ia turut dikaitkan dengan kepercayaan (Muslizah & Siti Noor, 2021) dan keyakinan seseorang guru semasa mengajar (Syed Kamaruzaman et al., 2014). Motivasi dan keyakinan juga merujuk kepada efikasi sendiri (Bandura, 1982).

Efikasi sendiri sangat penting kerana menentukan pemikiran individu terhadap tahap kegigihan, tahap motivasi dan keadaan afektif tentang tugas dan diakhirnya mempengaruhi prestasi individu (Hatlevik & Hatlevik, 2018). Hal ini kerana terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi dengan ketekunan, semangat, komitmen kerja dan tingkahlaku (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Berdasarkan teori ini, interaksi timbal balik boleh berlaku antara tingkahlaku, kognitif, faktor peribadi dan persekitaran (Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Oleh itu, prestasi setiap manusia adalah dipengaruhi oleh tahap efikasi (Bandura, 1986). Teori ini menjadi sandaran secara meluas dalam pelbagai bidang kajian bagi menentukan keyakinan terhadap jangkaan keupayaan diri individu.

Selain Bandura, efikasi sendiri dikhususkan dalam tugas pengajaran (Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy, 2001). Beliau mentakrifkan konsep tersebut sebagai penilaian guru terhadap diri sendiri tentang tugas pengajaran yang diinginkan (Sang et al., 2010) atau kepercayaan diri guru bahawa mereka dapat melaksanakan pengajaran yang baik dalam bilik darjah (Hatlevik & Hatlevik, 2018). Iaitu tentang bagaimana proses pengajaran disusun dengan teratur berdasarkan konteks yang khusus (Tschannen-moran, Hoy dan Hoy, 1998). Guru yang berkeyakinan tinggi memiliki semangat dan kebertangungjawaban yang tinggi untuk mengajar. Guru tidak mudah mengalah untuk meningkatkan daya usaha dalam penyampaian pengajaran (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Tetapi, jika guru merasakan kebimbangan, kesukaran, sikap yang tidak peduli dan mudah putus asa, ia menunjukkan efikasi sendiri yang rendah.

Terdahulu, para guru di Malaysia tanpa mengira pengkhususan subjek pengajaran memiliki efikasi sendiri yang tinggi (Noornajihan, 2019; Liang & Tai, 2021). Dalam ertikata lain, guru-guru di Malaysia mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi. Namun, kajian Ahmad Zamri (2016) membangkitkan persoalan berkenaan tanggapan guru pelatih berkaitan kebolehan mengajar yang tidak selari dengan realiti masa kini. Kajian terkini yang menjurus kepada tahap efikasi guru-guru Pendidikan Islam dan TMK sangat kurang dilaksanakan apatah lagi dalam suasana pandemic COVID-19 yang mengharuskan pembelajaran secara atas talian sebagai salah satu cara pemudahcara. Efikasi sendiri menerusi TMK adalah efikasi sendiri TMK guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mohd Norakmar et al., 2019; Hatlevik & Hatlevik, 2018; Mac Callum et al., 2014). Konsep yang digunakan ini memfokuskan bahawa, sebarang kekurangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara fizikal mahupun secara maya dapat diatasi dengan keyakinan yang tinggi. Sebaliknya, sekiranya efikasi kendirinya rendah, mereka mungkin berhadapan dengan rasa putus asa dalam menggunakan TMK.

Efikasi sendiri TMK dikaji berpandukan kepada dimensi strategi pengajaran menerusi TMK, dimensi pengurusan kelas menerusi TMK dan dimensi penglibatan pelajar menerusi TMK. Menurut Mohd Norakmar et al. (2019), dimensi strategi pengajaran adalah keyakinan guru untuk mempelbagaikan strategi pengajaran bersesuaian dengan kecerdasan pelajar yang pelbagai. Manakala dimensi pengurusan kelas adalah kemampuan guru untuk mengawal suasana di dalam kelas daripada gangguan yang boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Dimensi ketiga iaitu dimensi penglibatan pelajar adalah kemampuan guru untuk mendorong penglibatan para

pelajar semasa aktiviti pembelajaran. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam menerusi pengaplikasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran.

## METODOLOGI

Kajian tinjauan secara kuantitatif ini menggunakan satu set instrumen soal selidik untuk menjawab objektif kajian. Soal selidik telah diubahsuai daripada kajian Mohd Norakmar et al. (2019). Nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi ( $\alpha=.97$ ). Nilai tersebut menyerupai nilai kebolehpercayaan pengkaji sebelum ini (Mohd Norakmar et al., 2019). Setiap dimensi efikasi sendiri menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu strategi pengajaran ( $\alpha=.95$ ), pengurusan kelas ( $\alpha=.93$ ) dan penglibatan pelajar ( $\alpha=.95$ ). Populasi kajian ini melibatkan guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di empat buah daerah di Pulau Pinang. Jumlah keseluruhan guru Pendidikan Islam di empat buah daerah adalah 300 orang. Oleh itu, berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang diperlukan adalah 169 orang.

Teknik persampelan yang dipilih terhadap populasi adalah teknik persampelan rawak mudah. Namun, jumlah sampel yang ditetapkan adalah 174 guru Pendidikan Islam untuk mengatasi borang soal selidik yang mempunyai data-data terpencil. Soal selidik yang telah dijawab kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.

Dapatan kajian dilaporkan menerusi keputusan statistik deskriptif iaitu kekerapan, min dan peratusan kerana analisis deskriptif dapat menerangkan tentang sesuatu fenomena (Mohd Majid, 2009). Maka, hasil analisis deskriptif dapat memerihalkan latar belakang responden dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam. Interpretasi min yang dirujuk adalah seperti dalam Jadual 1.

| Jadual 1: Skala Interpretasi Skor Min |           |
|---------------------------------------|-----------|
| Julat Skor Min                        | Tahap     |
| 1.00-2.33                             | Rendah    |
| 2.34-3.66                             | Sederhana |
| 3.67-5.00                             | Tinggi    |

(Sumber: Pallant, 2007)

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### *Demografi Responden*

Jumlah responden yang menjawab soal selidik ini adalah seramai 174 orang guru Pendidikan Islam. 41 responden (23.6 peratus) adalah guru lelaki manakala 133 responden (76.4 peratus) pula merupakan guru perempuan. Berdasarkan tahap peringkat umur, 84 responden (48.3 peratus) berumur dalam julat umur 45-54, 57 responden (32.8 peratus) berumur 35-44 tahun, 25 responden (14.4 peratus) berada dalam kategori umur 25-34 tahun dan 8 responden (4.6 peratus) berusia 55 tahun dan keatas.

Manakala dari segi lokasi sekolah, 112 responden mengajar di sekolah luar bandar (64.4 peratus) dan 62 responden mengajar di sekolah bandar (35.6 peratus). Bagi aspek tahap pendidikan pula, 15 responden (8.6 peratus) memiliki Ijazah Sarjana dan 159 responden (91.4 peratus) memiliki Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 2: Demografi Responden

| No | Kategori         | Subkategori         | Kekerapan | %    |
|----|------------------|---------------------|-----------|------|
| 1  | Jantina          | Lelaki              | 41        | 23.6 |
|    |                  | Perempuan           | 133       | 76.4 |
| 2  | Umur             | 25-34 tahun         | 25        | 14.4 |
|    |                  | 35-44 tahun         | 57        | 32.8 |
|    |                  | 45-54 tahun         | 84        | 48.3 |
|    |                  | 55 tahun ke atas    | 8         | 4.6  |
|    |                  |                     |           |      |
| 3  | Lokasi Sekolah   | Bandar              | 62        | 35.6 |
|    |                  | Luar Bandar         | 112       | 64.4 |
| 4  | Tahap pendidikan | Ijazah Sarjana Muda | 159       | 91.4 |
|    |                  | Sarjana             | 15        | 8.6  |

### ***Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam***

Secara keseluruhan, keputusan analisis deskriptif menunjukkan tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam berdasarkan ketiga-tiga dimensi adalah sederhana ( $M=3.63$ ,  $SP=.61$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa GPI mempunyai keyakinan yang sederhana dalam mengendalikan dan mengupayakan teknologi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun, kajian lepas mendapati tahap efikasi kendiri guru di Kedah adalah tinggi terutamanya dalam dimensi penglibatan murid (Mohd Norakmar et al., 2019).

Kajian lepas juga mendapati Guru Pendidikan Islam dan guru-guru di Semenanjung Malaysia juga mempunyai efikasi kendiri yang tinggi namun tiada kaitan dengan teknologi (Noornajihan, 2019; Liang & Tai, 2021). Jurang dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, terdapat kemungkinan bahawa GPI mengalami cabaran untuk mengurus teknologi semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

### ***Tahap Dimensi Strategi Pengajaran***

Berdasarkan ketiga-tiga dimensi, GPI memiliki keyakinan yang tinggi dalam merancang strategi pengajaran menerusi TMK ( $M=3.80$ ,  $SP=.62$ ). Berpandukan Jadual 3, semua item dalam dimensi tersebut mencatat min pada tahap tinggi kecuali pada pernyataan “Menerusi TMK, saya boleh menyesuaikan cabaran berdasarkan kemampuan pelajar” pada tahap sederhana. Menurut Liang & Tai (2021), tahap efikasi kendiri yang tinggi mendorong guru untuk melakukan penambahbaikan dalam merancang strategi pengajaran.

Cabaran teknologi pada masa kini memerlukan GPI merancang penggunaan TMK yang bersesuaian dengan objektif dan hasil pengajaran serta tahap penerimaan pelajar agar setiap pelajar memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru. Setiap guru wajib mempunyai strategi pengajaran sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula. Strategi pengajaran melalui bahan seperti media adalah salah satu strategi yang menghasilkan pdpc yang menarik (Fatin Izzati & Farah Hanan, 2021), meningkatkan pemahaman yang lebih jelas (Abdul Munir, 2016), meningkatkan penyertaan para pelajar semasa aktiviti pembelajaran dan menghasilkan tingkahlaku yang diinginkan (Shariful Hafizi et al., 2019). Oleh yang demikian, dapatan ini membuktikan bahawa GPI sentiasa mempunyai keyakinan yang tinggi merancang strategi pengajaran menggunakan TMK seiring dengan keperluan pelajar pada masa kini.

Jadual 3: Tahap Dimensi Strategi Pengajaran

| Bil         | Item                                                                               | Kekerapan dan peratus |             |              |               |              | Min  | SP  | Tahap     |
|-------------|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|-------------|--------------|---------------|--------------|------|-----|-----------|
|             |                                                                                    | STS                   | TS          | SS           | S             | SGTS         |      |     |           |
| C1          | Menerusi TMK, saya boleh mempelbagaikan strategi penilaian.                        | 0<br>(0)              | 5<br>(2.9)  | 39<br>(22.4) | 98<br>(56.3)  | 32<br>(18.4) | 3.90 | .72 | Tinggi    |
| C2          | Menerusi TMK, saya boleh menyelesaikan kekeliruan pelajar saya.                    | 0<br>(0)              | 7<br>(4.0)  | 50<br>(28.7) | 94<br>(54.0)  | 23<br>(13.2) | 3.76 | .73 | Tinggi    |
| C3          | Menerusi TMK, saya boleh mengemukakan soalan yang jelas.                           | 0<br>(0)              | 6<br>(3.4)  | 48<br>(27.6) | 95<br>(54.6)  | 25<br>(14.4) | 3.80 | .72 | Tinggi    |
| C4          | Menerusi TMK, saya boleh mempelbagaikan strategi pengajaran.                       | 0<br>(0)              | 4<br>(2.3)  | 32<br>(18.4) | 101<br>(58.0) | 37<br>(21.3) | 3.98 | .70 | Tinggi    |
| C5          | Menerusi TMK, saya boleh menjawab soalan pelbagai aras daripada pelajar.           | 0<br>(0)              | 8<br>(4.6)  | 41<br>(23.4) | 103<br>(59.2) | 22<br>(12.6) | 3.80 | .71 | Tinggi    |
| C6          | Menerusi TMK, saya boleh menyesuaikan pengajaran mengikut tahap kefahaman pelajar. | 0<br>(0)              | 7<br>(4.0)  | 41<br>(23.6) | 103<br>(59.2) | 23<br>(13.2) | 3.82 | .71 | Tinggi    |
| C7          | Menerusi TMK, saya boleh mengukur kefahaman pelajar tentang apa yang dipelajari.   | 1<br>(0.6)            | 8<br>(4.6)  | 46<br>(26.4) | 102<br>(58.6) | 17<br>(9.8)  | 3.72 | .72 | Tinggi    |
| C8          | Menerusi TMK, saya boleh menyesuaikan cabaran berdasarkan kemampuan pelajar.       | 0<br>(0)              | 11<br>(6.3) | 53<br>(30.5) | 94<br>(54.0)  | 16<br>(9.2)  | 3.66 | .73 | Sederhana |
| Keseluruhan |                                                                                    |                       |             |              |               |              | 3.80 | .62 | Tinggi    |

#### ***Tahap Dimensi Pengurusan Kelas***

Jadual 4 menunjukkan tahap dimensi pengurusan kelas adalah sederhana ( $M=3.48$ ,  $SP=.66$ ). Dapatan dimensi ini menunjukkan, keyakinan guru untuk mengurus kelas dengan teknologi masih di tahap sederhana. Terdapat satu item mencatatkan min pada tahap tinggi ( $M=3.75$ ,  $SP=.81$ ) iaitu ‘Semasa TMK digunakan, saya boleh mengurangkan pelajar yang membuat bising’. Dapatan item ini membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai keyakinan yang tinggi untuk memusatkan perhatian para pelajar terhadap pengajaran guru menggunakan teknologi.

Tumpuan dan kerjasama yang diberikan oleh para pelajar sangat penting untuk mengurangkan suasana hiruk pikuk di dalam kelas. Suasana hiruk pikuk yang disebabkan oleh segelintir pelajar boleh mengganggu pembelajaran pelajar yang lain. Keadaan ini juga menjadi punca kepada kegagalan pengurusan kelas yang baik. Disebabkan itu, dimensi ini merupakan dimensi yang sangat mencabar tugas guru dan boleh mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru (Ahmad Zamri, 2016). Sehubungan dengan ini, penting seorang guru mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menghasilkan persekitaran yang kondusif menerusi teknologi.

Jadual 4: Tahap Dimensi Pengurusan Kelas

| Bil         | Item                                                                                              | Kekerapan dan peratus |              |              |              |              | Min  | SP  | Tahap     |
|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------|-----|-----------|
|             |                                                                                                   | STS                   | TS           | SS           | S            | SGTS         |      |     |           |
| C9          | Semasa TMK digunakan, saya boleh mengawal perhatian pelajar.                                      | 2<br>(1.1)            | 19<br>(10.9) | 70<br>(40.2) | 67<br>(38.5) | 16<br>(9.2)  | 3.44 | .85 | Sederhana |
| C10         | Semasa TMK digunakan, saya boleh mempengaruhi pelajar mengikuti peraturan dalam kelas.            | 0<br>(0)              | 19<br>(10.9) | 69<br>(39.7) | 73<br>(42.0) | 13<br>(7.5)  | 3.46 | .79 | Sederhana |
| C11         | Semasa TMK digunakan, saya boleh mengurangkan pelajar yang membuat bising.                        | 2<br>(1.1)            | 5<br>(2.9)   | 56<br>(32.2) | 82<br>(47.1) | 29<br>(16.7) | 3.75 | .81 | Tinggi    |
| C12         | Semasa TMK digunakan, saya boleh mewujudkan kumpulan perbincangan bagi setiap pelajar.            | 1<br>(0.6)            | 11<br>(6.3)  | 62<br>(35.6) | 86<br>(49.4) | 14<br>(8.0)  | 3.58 | .75 | Sederhana |
| C13         | Semasa TMK digunakan saya boleh menangani masalah pelajar yang ketinggalan dalam pelajaran.       | 4<br>(2.3)            | 15<br>(8.6)  | 80<br>(46.0) | 62<br>(35.6) | 13<br>(7.5)  | 3.37 | .84 | Sederhana |
| C14         | Semasa TMK digunakan, saya boleh menangani masalah pelajar yang mengganggu aktiviti pembelajaran. | 2<br>(1.1)            | 8<br>(4.6)   | 74<br>(42.5) | 76<br>(43.8) | 14<br>(8.0)  | 3.53 | .76 | Sederhana |
| C15         | Semasa TMK digunakan saya boleh meramal tingkah laku pelajar.                                     | 6<br>(3.4)            | 21<br>(12.1) | 82<br>(47.1) | 56<br>(32.2) | 9<br>(5.2)   | 3.24 | .86 | Sederhana |
| C16         | Semasa TMK digunakan, saya boleh mewujudkan rutin pembelajaran yang lancar                        | 2<br>(1.1)            | 13<br>(7.5)  | 67<br>(38.5) | 77<br>(44.3) | 15<br>(8.6)  | 3.52 | .80 | Sederhana |
| Keseluruhan |                                                                                                   |                       |              |              |              |              | 3.48 | .66 | Sederhana |

**Tahap Dimensi Penglibatan Pelajar**

Jadual 5 menunjukkan tahap efikasi sendiri dimensi penglibatan pelajar adalah sederhana ( $M=3.61$ ,  $SP=.67$ ). Dapatan ini menggambarkan guru Pendidikan Islam mempunyai tahap keyakinan yang sederhana untuk mempengaruhi penglibatan para pelajar menerusi teknologi. Namun terdapat tiga item yang menunjukkan tahap tinggi iaitu item 'Menerusi TMK, saya boleh memotivasikan pelajar untuk meningkatkan penglibatan', 'Menerusi TMK, saya boleh meningkatkan kefahaman pelajar melalui aktiviti pengayaan' dan 'Menerusi TMK, saya boleh membantu pelajar berfikir kritis'. Dapatan ketiga-tiga item tersebut menunjukkan bahawa, guru Pendidikan Islam yakin, bahawa menerusi teknologi, motivasi para pelajar dapat ditingkatkan dengan mudah kerana bersesuaian dengan minat pelajar.

Dorongan, ganjaran, pujian dan perhatian (Liang & Tai, 2021) adalah antara aspek dalaman yang perlu diselitkan pada setiap kali pengajaran berlansung agar motivasi para pelajar terhadap pembelajaran dapat dikekalkan. Oleh itu, keyakinan guru menggunakan teknologi merupakan kaedah yang dapat mempengaruhi penglibatan pelajar terhadap aktiviti-aktiviti pembelajaran yang disediakan oleh guru. Hal ini kerana para pelajar masa kini merupakan generasi yang terdedah dan membesar dengan teknologi sejak kecil lagi (Ab. Halim & Nurhanani, 2017). Maka tidak hairanlah sekiranya, bahan-bahan media merupakan daya tarikan remaja pada abad ini (Wan Norina et al., 2013). Pandangan ini turut dinyatakan oleh Pei Ling et al. (2014) bahawa, pendekatan pengajaran menerusi teknologi akan menggalakkan penglibatan para pelajar secara berterusan dalam aktiviti pembelajaran dengan perasaan yang positif. Oleh yang demikian, efikasi sendiri guru Pendidikan Islam yang tinggi menerusi TMK merujuk kepada dimensi ini, akan meningkatkan meningkatkan penglibatan para pelajar.

Jadual 5: Tahap Dimensi Penglibatan Pelajar

| Bil | Item                                                                            | Kekerapan dan peratus |             |              |              |              | Min  | SP  | Tahap     |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|-------------|--------------|--------------|--------------|------|-----|-----------|
|     |                                                                                 | STS                   | TS          | SS           | S            | SGTS         |      |     |           |
| C17 | Menerusi TMK, saya boleh mendorong pelajar melaksanakan aktiviti pembelajaran.  | 2<br>(1.1)            | 11<br>(6.3) | 63<br>(36.2) | 79<br>(45.4) | 19<br>(10.9) | 3.59 | .81 | Sederhana |
| C18 | Menerusi TMK, saya boleh memupuk pelajar menghargai pembelajaran.               | 3<br>(1.7)            | 8<br>(4.6)  | 64<br>(36.8) | 86<br>(49.4) | 13<br>(7.5)  | 3.56 | .77 | Sederhana |
| C19 | Menerusi TMK, saya boleh memotivasikan pelajar untuk meningkatkan penglibatan.  | 1<br>(0.6)            | 8<br>(4.6)  | 57<br>(32.8) | 90<br>(51.7) | 18<br>(10.3) | 3.67 | .75 | Tinggi    |
| C20 | Menerusi TMK, saya boleh memastikan pelajar tekun melaksanakan setiap aktiviti. | 1<br>(0.6)            | 15<br>(8.6) | 64<br>(36.8) | 76<br>(43.7) | 18<br>(10.3) | 3.55 | .82 | Sederhana |
| C21 | Menerusi TMK, saya boleh meningkatkan kefahaman pelajar                         | 1<br>(0.6)            | 7<br>(4.0)  | 49<br>(28.2) | 95<br>(54.6) | 22<br>(12.6) | 3.75 | .75 | Tinggi    |

|             |                                                                |            |             |              |              |              |      |     |           |
|-------------|----------------------------------------------------------------|------------|-------------|--------------|--------------|--------------|------|-----|-----------|
|             | melalui aktiviti pengayaan.                                    |            |             |              |              |              |      |     |           |
| C22         | Menerusi TMK, saya boleh membantu pelajar berfikir kritis.     | 0<br>(0)   | 7<br>(4.0)  | 58<br>(33.3) | 87<br>(50.0) | 22<br>(12.6) | 3.71 | .74 | Tinggi    |
| C23         | Menerusi TMK, saya boleh mendalami masalah penerimaan pelajar. | 2<br>(1.1) | 14<br>(8.0) | 74<br>(42.5) | 72<br>(41.4) | 12<br>(6.9)  | 3.45 | .79 | Sederhana |
| Keseluruhan |                                                                |            |             |              |              |              | 3.61 | .67 | Sederhana |

## KESIMPULAN

Pada masa kini, dunia pendidikan tidak dapat lari daripada tempas pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, untuk mengoptimumkan penggunaannya sebagai amalan pengajaran harian merupakan cabaran utama kepada para guru kerana tahap efikasi sendiri yang sederhana menggunakan teknologi akan menyukarkan penambahbaikan yang diperlukan dalam proses pengajaran. Keadaan ini tidak dapat dinafikan kerana, Teori Kognitif Sosial Bandura (1977) telah menjelaskan bahawa, setiap individu tidak akan menunjukkan tahap persembahan yang sama disebabkan cabaran yang perlu dihadapi oleh setiap individu adalah berbeza-beza berdasarkan bidang dan tugas. Dapatan kajian ini mengesahkan berdasarkan teori, bahawa aspek seperti kognitif, faktor peribadi, tingkah laku dan persekitaran adalah saling berkait untuk mempengaruhi prestasi individu memiliki tahap efikasi sendiri yang tinggi ataupun rendah (Tschannen-Moran & Hoy, 1998). Walaubagaimanapun, keadaan ini tidak boleh diambil ringan oleh para guru dan pihak berkepentingan terutamanya kesan penularan wabak COVID-19 secara tiba-tiba telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa GPI perlu meningkatkan tahap efikasi sendiri untuk mengurus pengajaran dan pembelajaran menerusi teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya dalam pengurusan kelas. Justeru itu, hasil kajian ini mencadangkan pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia merangka program yang bersifat latihan berterusan kepada para guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan efikasi sendiri terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

## PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membiayai pengajian di peringkat sarjana.

## RUJUKAN

Abdul Munir, M. (2016). Strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(2), 11-21.

- Ab. Halim, T., & Nur Hanani, H. (2017). Cabaran Pendidikan Islam di era media sosial. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 37-43.
- Ahmad Zamri, K. (2016). Mengukur efikasi pengajaran guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 31, 15-25.
- Aizan, A. @ M. Z., & Murni, B. (2017). Isu dan cabaran pendidikan remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 12(2), 41-49.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 37(2), 122-147.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey, NJ: Prentice Hall.
- Fatin Izzati, M. T., & Farah Hanan, A. B. (2021). Pendidikan digital era RI 4.0 dalam Pendidikan Islam. *International Conference on Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference*, 436-451.
- Hatlevik, I. K. R., & Hatlevik, O. E. (2018). Examining the relationship between teachers' ICT self-efficacy for educational purposes, collegial collaboration, lack of facilitation and the use of ICT in teaching practice. *Frontiers in Psychology*, 9, 1-8.
- Jamalludin, H., & Zaidatun, T. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Selangor, Malaysia: PTS Publications.
- Kamarul Azmi, J., & Ab. Halim, T. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025(Pendidikan Prasekolah hingga lepas menengah)*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1818-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Khodijah, A. R., Siti Zaharah, M., & Roslinda, R. (2018). Kesiediaan guru menggunakan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor. *4<sup>th</sup> International Conference on Information Technology & Society*, 30-31 Oktober. Selangor, Malaysia.1-9.
- Liang, F. S., & Tai, M. K. (2021). Efikasi sendiri guru di Sekolah Menengah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(40), 160-167.
- Mac Callum, K., Jeffrey, L., & Kinshuk. (2014). Factors impacting teachers' adoption of mobile learning. *Journal of Information Technology Education: Research*, 13, 1-22.
- Mancha, R., & Shankaranarayan, G. (2020). Making a digital innovator: Antecedents of innovativeness with digital technologies. *Information Technology & People*, 34(1), 318-335.
- Mohamed Amin, E. (2012). *Aplikasi rangkaian sosial web 2.0 dalam pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid, K. (2009). *Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Norakmar, O., Siti Noor, I., & Abd Latif, K. (2019). Hubungan kepimpinan teknologi pengetua dan efikasi sendiri guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan JuPidi*, 6(4), 1-24.
- Mohd Zamri, M., Abdul Razak, H., Mohamad Shanudin, Z., Yazrina, Y., Mohd Zakree, M. N., Hafiz, M. S., Mohammad Faizul, N., Ibrahim, M., & Jamaiah, Y. (2011). *Teknologi maklumat dan persekitaran*. Creative Commons.

- Musliza, J., & Siti Noor, I. (2021). Hubungan antara efikasi sendiri dengan komitmen kerja guru di sekolah berprestasi sederhana di negeri Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(40), 264-273.
- Noornajihan, J. (2019). Pengaruh efikasi sendiri terhadap kualiti guru Pendidikan Islam sebagai murabbi: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 34, 65–85.
- Noradilah, A., & Lai, W. S. (2019). Impak Pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar di UKM (Impact of technology based education on student performance in UKM). *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 69-75.
- Nur Amirah, A. M., Zurinah, T., & Nurfaradilla, M. N. (2020). Penguasaan kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) terhadap kecekapan kerja. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(9), 140-157.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by step guide to data analysis using SPSS* (3rd eds.). New South Wales, Australia: Allen & Unwin.
- Pei Ling, T., Zaidatol Akmaliah, L. P., Soaib, A., & Foo, S. F. (2014). The validity and reliability of teacher efficacy revisited in Malaysia Secondary Schools. *Journal of Studies in Education*, 5(1), 1-16.
- Ross, D. V. D., & Tsibolane, P. (2017). The Influence of teacher attitudes and beliefs on information and communications technology integration behavior in South African High Schools. *CONF-IRM 2017 Proceedings Website*. 32. <https://aisel.aisnet.org/confirm2017/32>
- Sang, G., Valcke, M., Braak, J. Van., & Tondeur, J. (2010). Student teachers thinking processes and ICT integration: Predictors of prospective teaching behaviors with educational technology. *Computers & Education*, 54, 103-112.
- Scott, C. L. (2015). The futures of learning 3: What kind of pedagogies for the 21st century? *ERF Working Papers Series*, 15. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000243126>
- Shariful Hafizi, M. D., Abd Hakim, A. M., & Kamarul Shukri, M. T. (2019). Gamifikasi dalam Pendidikan: Satu kajian literatur. *Asian People Journal (APJ)*, 2(2), 31 - 41.
- Syed Kamaruzaman, S. Y., Mohd Zakin, C. H., & Julismah, J. (2014). Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani. *JuKu; Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68, 202-248.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783-805.
- Wan Mariana, W. M., & Kamarul Shukri, M. T. (2020). Analisis keperluan guru terhadap model pembelajaran abad ke-21 Pendidikan Islam berasaskan wahyu al-Quran. *Jurnal IPDA*, 27(1), 1-20.
- Wan Norina, W. H., Zaharah, H., Ahmad Fakrudin, M. Y., & Ahmad Arifin, S. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1-11.